

26 OCT 2002

NIK AZIZ RAYU AGAR KAJI SEMULA PERBERHENTIAN BANTUAN SEKOLAH AGAMA

KOTA BAHARU, 26 Okt (Bernama) -- Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat merayu kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya mengkaji semula keputusan kerajaan pusat untuk menghentikan sementara bantuan per kapita untuk semua sekolah agama rakyat (SAR).

Tindakan itu akan hanya merugikan pelajar beragama Islam tanpa mengira sama ada ibu bapa mereka menyokong PAS ataupun Umno, serta guru-guru yang mengajar di SAR, katanya ketika ditemui di kediamannya, di sini hari ini.

Perdana Menteri semalam berkata kerajaan telah menghentikan bantuan kepada semua SAR di seluruh negara setelah mendapati ia disalahgunakan untuk tujuan politik, termasuk menyuruh pelajar membenci pemimpin kerajaan tertentu.

Dr Mahathir bagaimanapun berkata sekatan bantuan itu akan dibuat sehingga kerajaan dapat memastikan status sekolah berkenaan dan memastikan ia benar-benar mengajar agama.

Nik Aziz juga berharap keputusan kerajaan itu dibuat bukan berdasarkan kepada desakan sesetengah pihak.

Difahamkan banyak SAR di Kelantan termasuk guru-gurunya dibiayai sendiri oleh Yayasan Islam Kelantan menerusi peruntukan terus kerajaan negeri.

-- BERNAMA

RAR